

Penuntut Malaysia maut jatuh apartmen di Sydney

'Amirul selalu ketawa jika tertekan'

Keluarga, rakan tolak dakwaan Sanen bunuh diri

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: "Kami bengang betul orang kata arwah bunuh diri, sedangkan 'Sanen' selalunya ketawa jika tertekan," kata Abdul Muhaimin Abdul Rao, 22, rakan penuntut Malaysia, Amirul Ashraff Md Azhar, 22, yang meninggal dunia di Sydney, Australia kelmarin selepas dikatakan tergelincir dari tingkat 23 bangunan kediamannya.

Sepanjang mengenali Allahyarham sejak enam tahun lalu, Abdul Muhaimin menyifatkan Amirul yang lebih mesra dengan panggilan 'Sanen' sebagai penghibur dan sentiasa cemerlang dalam pelajaran, selain tidak pernah lokek membantu rakan dan berkongsi ilmu.

Menerusi perbualan telefon awal Julai lalu, Abdul Muhaimin berkata, Sanen pernah bercerita dia gagal dalam beberapa mata pelajaran, namun langsung tidak menunjukkan tanda kemuru-

ngan atau berada dalam tekanan.

"Arwah cakap tak lepas (lulus) peperiksaan, tapi dia buat lawak pula pasal perkara itu. Saya pun kata gagal itu perkara biasa, boleh saja ulang semula dan dia sendiri setuju dengan apa yang diperkatakan.

"Langsung tiada tanda tekanan dalam nada suara arwah sepanjang perbualan telefon kami, sebaliknya asyik gelak saja. Itu memang sifat arwah, seorang yang ceria dan suka buat orang lain ketawa," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas spekulasi di media sosial yang memberi gambaran Amirul Ashraff membunuh diri selepas gagal dalam lima mata pelajaran.

Abdul Muhaimin, penuntut tahun akhir Program Perkongsian Ijazah (TDP) tajaan MARA di University of Auckland, New Zealand berkata, arwah kerap meluangkan masa dengan permainan video dalam talian sebagai 'ubat' kepada tekanan pelajaran.

Sementara itu di Taiping, keluarga Amirul Ashraff Md Azhar, 22, meminta orang ramai tidak mempercayai spekulasi negatif kononnya kematian penuntut itu akibat tekanan kerana gagal dalam pelajaran.

Bapa mangsa, Md Azhar Abdullah, 48, berkata dalam perbualan telefon terdahulu, anak



Md Azhar bersama isteri menunjuk gambar Amirul Ashraff ketika ditemui di rumah mereka di Taiping, semalam.

(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

sulungnya itu ada memaklumkan gagal lima mata pelajaran namun, tidak menyatakan berasa tertekan dengan keadaan itu, sebaliknya memberitahu sudah membuat rayuan untuk mengulangi semula subjek yang gagal.

"Dia tidak nyatakan kekecewaan atau tekanan akibat kegagalan itu dan kami sekeluarga yakin kejadian disebabkan kemalangan seperti dilaporkan pihak berkuasa negara berkenaan," katanya ditemui di rumahnya di Rancangan Perumahan Tersusun (RPT) Tekah, di sini, semalam.

Md Azhar berkata, berdasarkan maklumat diperoleh anaknya itu dikatakan tergelincir dari tingkat 23 pangsapuri yang diduduki bersama enam rakan.

Beliau menerima maklumat daripada pihak MARA bahawa jenazah pelajar tahun akhir Ijazah Kejuruteraan Mekatronik University Technology Of Sydney itu kini ditempatkan di hospital dan proses bedah siasat dibuat semalam.

"Saya harap jenazah anak da-

pat segera dibawa pulang untuk dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Assam Kumbang, di sini," katanya.

Sementara itu, ibu mangsa, Junaidah Ahmad, 46, berkata arwah adalah anak harapan keluarga.

"Arwah pernah menjadi lima pelajar terbaik ketika belajar di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Balik Pulau, Pulau Pinang dan kini adik-adiknya mengikut jejak langkahnya.

"Memang berat untuk kami terima, namun ia adalah ketentuan Allah dan kami reda dengan permergiannya," katanya.

Junaidah berkata, pihak MARA ada menawarkan keluarganya ke Australia untuk melihat dan menuntut jenazah arwah namun mereka menolak berikutan masih lemah dan terkejut dengan perkhabaran duka itu.

"Saya dan suami nak berjalan pun terasa lemah kerana masih terkejut dengan kejadian ini. Biarlah kami menunggu di sini dan kami berharap agar jenazah arwah dapat segera dibawa pulang ke sini," katanya.